

Tun M kaji keterbukaan PH terima parti baharu

Sinar Harian - 9/8/2010
mb: 4

KUALA LUMPUR - Bekas Pengerusi Parti Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mengkaji keterbukaan Pakatan Harapan (PH) untuk menerima parti baharu yang ditubuhkannya bagi menyertai pakatan tersebut.

Beliau bagaimanapun belum meneliti kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Saya tak tahu apa dia (Anwar) kata tapi saya akan kaji,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Hari Solidariti Untuk Kashmir di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan wartawan sama ada bersedia mempertimbangkan untuk menyertai PH.

Ia susulan kenyataan Anwar yang juga Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) malam kelmarin bahawa PH bersedia mempertimbangkan kemasukan parti baharu yang ditubuhkan Dr Mahathir ke dalam gabungan itu.

Anwar berkata, setakat ini belum ada sebarang permintaan daripada bekas Perdana Menteri itu.

“Dia tak minta pun. Sekiranya dia minta kita pertimbangkanlah. Biar dia minta dulu,” katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir mengumumkan pembentukan parti Melayu dan memberitahu bahawa parti baharu itu tidak terikat dengan mana-mana parti campuran iaitu tidak bersama Pakatan Harapan (PH) dan tidak juga dengan Perikatan Nasional (PN).



DR MAHATHIR